

*Tarikh Dibaca: 06 Mei 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

***“MENGENALI BEBERAPA GOLONGAN  
PEROSAK”***

**\*\*\***

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## “MENGENALI BEBERAPA GOLONGAN PEROSAK”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang termulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa. Marilah kita berterusan mengamalkan dan mentaati segala perintah Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW. Mudah-mudahan kita akan dirahmati oleh Allah SWT dan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat kelak, InsyaAllah.

Mimbar Jumaat hari ini ingin mengajak para Jemaah sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk "**MENGENALI BEBERAPA GOLONGAN PEROSAK**".

## **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Al-Quran menggunakan kata fasad (kerosakan) dengan makna yang luas yang secara umum bermaksud apa-apa jua jenis kerosakan di muka bumi yang berupa pelbagai aktiviti yang dilarang oleh Allah SWT. Dengan demikian, setiap orang yang melakukan apa sahaja kemaksiatan, kemungkaran atau kejahatan samada besar maupun kecil, bererti telah berbuat kerosakan. Ini dijelaskan pada maksud ayat yang dibacakan di permulaan khutbah ini iaitu surah al-Baqarah ayat 11 dan 12 yang bermaksud;

*"Dan apabila dikatakan kepada mereka, "janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi". Mereka menjawab, "sesungguhnya kami hanya orang yang membuat kebaikan. Ketahuilah! Sesungguhnya mereka itulah orang yang membuat kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya".*



a-Imam at-Tobari menyatakan bahawa yang dimaksud dengan fasad adalah kekufuran dan segala aktiviti kemaksiatan. Bermakna sebarang aktiviti yang membawa kepada penyelewengan aqidah, boleh membawa kepada kekufuran dan ini juga merupakan satu kerosakan yang sangat berat. Dalam al-Quran terdapat orang-orang atau kelompok orang yang secara langsung digolongkan sebagai para pembuat kerosakan, antara lain adalah;

### 1. Pemerintah-pemerintah yang zalim.

Ini dijelaskan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 4;

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا  
يَسْتَضِعُّ طَائِفَةً مِنْهُمْ يُدَبِّحُ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِ  
نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ﴿٤﴾

*"Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi dengan melampaui batas, serta dia menjadikan penduduknya berpuak-puak (untuk berkhidmat dengannya). Dia menindas segolongan daripadanya (iaitu Bani Israel) dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya dia daripada golongan yang membuat kerosakan".*

Oleh yang demikian, sesiapa yang berperilaku seperti perilaku Firaun yang melanggar perintah Allah SWT, memecah belah kesatuan dan perpaduan umat, menindas golongan yang lemah, mengugut dan memaksa orang ramai supaya mematuhi sesuatu perintah walaupun salah dari segi syariat, membunuh jiwa-jiwa manusia yang tidak bersalah, melakukan



pelbagai jenis penganiayaan, kezaliman dan sering berprasangka adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang berbuat kerosakan. Begitulah juga pemerintah-pemerintah zalim yang ada sepanjang zaman adalah antara golongan perosak di muka bumi Allah ini.

## 2. Orang-orang yang tidak beriman dan ingkar kepada Allah SWT.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 40;

وَمِنْهُمْ مَّنْ يُؤْمِنُ بِهِ ۖ وَمِنْهُمْ مَّنْ لَا يُؤْمِنُ بِهِ ۗ وَرَبُّكَ  
أَعْلَمُ بِالْمُفْسِدِينَ ﴿٤٠﴾

*"Antara mereka ada yang beriman kepada al-Quran dan ada antara mereka yang langsung tidak beriman kepadanya. (Ingatlah), Tuhanmu lebih mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan".*

### Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Orang-orang yang tidak beriman lagi ingkar juga dianggap melakukan kerosakan kerana mereka enggan mematuhi perintah Allah SWT. Apabila mereka enggan atau ingkar mematuhi syariat Islam sudah pasti mereka akan melakukan pelbagai perbuatan yang bertentangan dengan peraturan syariat. Disinilah berlakunya pelbagai kerosakan. Malahan ada antara mereka yang secara terbuka melakukan dan menganjurkan perbuatan-perbuatan mungkar seperti berjudi, membuka pusat-pusat perjudian, minum arak, menganjurkan pesta-pesta minum arak, menipu, mencuri dan apa sahaja kejahatan serta kemaksiatan yang lain.

## 3. Orang munafik.



Golongan munafik ialah mereka yang berpura-pura beriman, menyembunyikan kekufurannya dan sentiasa merancang melakukan kerosakan terhadap agama Islam.

Hadis daripada Abdullah Bin Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*"Ada empat perkara, sesiapa yang memilikinya maka ia adalah seorang munafik tulen. Sesiapa yang memiliki satu daripada empat perkara itu, maka ia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya. (Empat sifat itu ialah) apabila diberi kepercayaan ia khianat, apabila bercakap ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir dan apabila bertengkar ia mengeneipkan kebenaran".*

*(Riwayat Imam Ahmad).*

#### **4. Tukang fitnah.**

Fitnah adalah merupakan tuduhan palsu yang diada-adakan yang berniat jahat untuk mengaibkan atau menjatuhkan maruah seseorang yang boleh merosakkan keharmonian dan akhirnya menyebabkan terputusnya silaturrahim dalam keluarga dan masyarakat. Ianya sering dilakukan melalui perkataan, tulisan atau perbuatan. Bahkan si pembuat fitnah dikatakan juga sebagai mengadu domba.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 27;



الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ  
وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي  
الْأَرْضِ أُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

*"(Iaitu) orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya dihubungkan (beriman dan menghubungkan silaturrahim dengan Nabi SAW),serta mereka pula membuat kerosakan (dengan melakukan maksiat) di muka bumi. Mereka itulah orang-orang yang rugi (kerana dimasukkan ke dalam neraka selama-lamanya)".*

Sesungguhnya fitnah membawa kerosakan kepada masyarakat sebaik sahaja mereka mempercayai akan fitnah tersebut kerana fitnah bukan sahaja menimbulkan permusuhan dan permusuhan pula boleh mencetuskan perpecahan dan huru-hara, malahan pembuat fitnah tidak akan masuk syurga sepertimana sebuah hadis daripada Huzaiifah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ

*"Tidak masuk syurga orang-orang yang suka memfitnah (mengadu domba).*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sebagai kesimpulannya, mimbar pada hari ini menyeru supaya;





1. Umat Islam hendaklah berwaspada dan menjauhi golongan perosak yang boleh menjejaskan akidah.
2. Umat Islam hendaklah mengenal pasti ciri-ciri golongan perosak yang telah dihuraikan dalam khutbah ini.
3. Umat Islam hendaklah membersihkan hati dan jiwa supaya tidak menjadi golongan perosak dalam masyarakat dan selamat hidup di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا  
وَيُشْهَدُ اللَّهُ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ ۗ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾ وَإِذَا  
تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ  
وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾

*"Antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan dia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal dia adalah orang yang sangat keras permusuhannya (kepadamu). Kemudian apabila dia beredar (setelah mendapat hajatnya), dia berjalanlah di bumi untuk melakukan kerosakan*



padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternakan dan manusia), sedang Allah tidak suka kepada kerosakan”.

(Surah al-Baqarah : 204-205).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ  
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أمن وصلاح وعافية  
بمنك وكرمك يا ذا الجلال والإكرام. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.